

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci berkenaan ketetapan dasar baharu pemberian biasiswa atau pinjaman pelajar keluar negara memandangkan keadaan kewangan negara kini semakin merosot:

- (a)** adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memberi biasiswa atau pinjaman hanya untuk pelajar yang mengambil ijazah kedoktoran (PhD) sahaja ; dan
- (b)** berapa jumlah bbiaswa yang telah dikeluarkan mengikut kaum dan jantina bagi tahun 2018 ke tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a)** Pada masa ini pelaksanaan program tajaan biasiswa oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah difokuskan kepada pegawai dalam perkhidmatan khususnya dalam melatih guru-guru, pensyarah Kolej Komuniti dan Politeknik serta pensyarah universiti awam (UA) dalam memenuhi keperluan perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, KPM turut menawarkan tajaan biasiswa kepada orang awam dari peringkat Ijazah Pertama hingga Ijazah Kedoktoran

melalui pelaksanaan program MyBrainSc. Namun tawaran Biasiswa ini hanyalah disasarkan kepada program khusus sains tulen.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sehingga kini penajaan JPA masih lagi diteruskan dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) bagi menyediakan penajaan kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertier di dalam dan di luar negara. Walau bagaimanapun, penajaan ke luar negara adalah berdasarkan bidang tajaan yang telah ditetapkan Kerajaan selaras dengan bidang keperluan Negara yang telah dikenal pasti.

Bagi mengiktiraf kecemerlangan pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Pertama / Sarjana, JPA turut menyediakan peluang penajaan khusus kepada pelajar tajaan JPA untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

(b) Berhubung statistik pembiayaan biasiswa, bagi tahun 2018 KPM telah menawarkan sebanyak 985 biasiswa di peringkat kedoktoran melibatkan 370 orang penerima biasiswa lelaki dan 615 orang penerima biasiswa perempuan. Manakala bagi tahun 2019 sebanyak 761 biasiswa ditawarkan di peringkat kedoktoran melibatkan 315 orang penerima biasiswa lelaki dan 446 orang penerima biasiswa perempuan.

Merujuk kepada penajaan Pinjaman Boleh Ubah (PBU) oleh JPA pula, bagi tahun 2018 jumlah penerima biasiswa yang ditawarkan adalah seramai 11,633 orang melibatkan 4,416 orang penerima biasiswa lelaki dan 7,217 orang penerima biasiswa perempuan. Manakala bagi tahun 2019, jumlah penerima biasiswa yang ditawarkan oleh JPA adalah seramai 11,098 orang melibatkan 3,890 orang penerima biasiswa lelaki dan 7,208 orang penerima biasiswa perempuan.

Sekian, terima kasih.